

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020

KERATAN AKHBAR

# 40 tong bahan buangan ditemui

Polis dapati ia berada di premis yang dijadikan stor penyimpanan sejak dua minggu lalu

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

## RAWANG

**P**olis menemui 40 tong bersamaan 40,000 liter bahan buangan berjadual di sebuah premis yang dijadikan stor penyimpanan di Jalan Velox 2 di sini.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarawe berkata, pihaknya mendapati 40 tong itu berada di premis berkenaan sejak dua minggu lalu.

“Seorang wanita tempatan berusia 40 tahun bersama pasangannya dipercayai menyewa premis ini RM3,800 sebulan bagi meletakkan barang buangan berjadual itu sejak dua minggu lalu,” katanya.

Katanya, siasatan awal mendapati terdapat pembuangan bahan kimia dilakukan menerusi lubang kumbahan di premis itu yang mengalir ke Loji Rawatan Kumbahan Indah Water



Arifai (kiri) melihat 40 tong bahan buangan berjadual di dalam sebuah premis di Taman Velox, Rawang semalam.

Konsortium (IWK) yang jaraknya kira-kira 300 meter dari premis terbabit.

“Berdasarkan penemuan itu, kita tidak menolak kemungkinan terdapat unsur sabotaj dalam kejadian ini dan siasatan lanjut berhubung perkara berkenaan sedang dijalankan,” katanya pada sidang akhbar di Taman Velox di sini semalam.

Katanya, polis menunggu laporan bagi mengenal pasti jenis bahan buangan yang mengakibatkan pencemaran di Sungai Selangor.

“Kita menerima laporan daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) pada jam 2.30

petang semalam. Hasil laporan itu, kita melakukan siasatan terperinci di kawasan ini dan menemui premis ini,” katanya.

Beliau berkata, seramai empat individu termasuk seorang wanita serta pekerja lelaki warga Bangladesh direman tujuh hari bagi membantu siasatan.

“Kita juga sedang mengesan saki baki individu yang dipercayai terbabit dalam kes ini,” katanya.

Menurutnya, pihaknya bersama agensi lain akan mengambil tindakan sekiranya mendapati terdapat pelanggaran peraturan dilakukan mana-mana premis di daerah ini.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---

## Kerajaan Selangor jangan tuding jari isu pencemaran air

**BESTARI JAYA** - Kerajaan Selangor diingatkan supaya tidak menuding jari kepada mana-mana pihak berhubung isu pencemaran bau di Sungai Selangor sehingga menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) di negeri ini dihenti tugas semalam.

Pengerusi UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, kerajaan negeri sepatunya menyelesaikan isu pencemaran sungai dengan meningkatkan penguatkuasaan berterusan berbanding menyalahkan pihak lain termasuk dakwaan berlakunya unsur sabotaj.

“Biarlah polis siasat dan menahan mereka yang terlibat, tetapi persoalannya bagaimana

individu berkenaan boleh ceroboh? Kerajaan negeri mesti ada langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan perkara sama daripada berulang,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian sumbangan Deepavali di Kuil Ladang Mary di sini semalam.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang menegaskan, isu pencemaran air di Selangor bukan perkara baharu malah sudah berlarutan sejak tahun 2016.

“Pandangan saya, janganlah salahkan pihak lain dengan beri pelbagai alasan untuk menutup kelemahan pentadbiran sehingga rakyat sahaja yang nampak salah.

“Kalau pentadbiran kerajaan negeri kelam kabut, bagaimana hendak menjadikan Selangor sebuah negeri yang baik,” katanya.

Kelmarin, kerajaan Selangor tidak menolak kemungkinan insiden pencemaran bau di Sungai Selangor sehingga menyebabkan empat LRA dihenti tugas adalah disebabkan perbuatan sabotaj.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, hasil pemeriksaan awal pihaknya mendapati pencemaran itu berpunca dari loji kumbahan Indah Water Konsortium (IWK).

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---

## Empat termasuk seorang wanita direman tujuh hari

**SELAYANG** - Empat termasuk seorang wanita ditahan reman tujuh hari di Mahkamah Majistret di sini semalam berhubung pencemaran bau bahan pelarut di Sungai Selangor kelmarin.

Wanita berkenaan yang juga pengarah sebuah syarikat pembinaan jalan raya, ditahan bersama seorang lagi pengarah dan dua pekerjanya, yang mana salah seorang adalah warga Bangladesh.

Majistret Nor Hafizah Rajuni mengeluarkan perintah itu selepas membenarkan permohonan pihak polis untuk menahan kesemua suspek, bermula semalam sehingga 17 November ini.

Mereka yang berusia 33 hingga 43 tahun, direman bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksan kerana melakukan khianat dengan mendatangkan bencana terhadap perjalanan

tali air sehingga menyebabkan susut bekalan air kepada manusia dan haiwan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu, dalam satu kenyataan, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, kesemua suspek ditahan di sekitar Lembah Klang bermula tengah malam kelmarin.

Katanya, penahanan empat individu itu dibuat untuk membantu siasatan bagi kes kejadian pencemaran bau air mentah di Sungai Selangor.

Sebelum ini media melaporkan sebanyak empat Loji Rawatan Air (LRA) dihenti tugas berikutan pencemaran bau bahan pelarut yang dikesan di Sungai Selangor.